

“Walaupun beberapa peralatan seperti televisyen dan peti ais rosak, saya lebih mengutamakan keselamatan keluarga terutama dua anak (Nor Aqeelah Balqis Mohd Nazri, 3, dan Mohd Putra Syawal berusia setahun) dan bayi dalam kandungan yang bakal dilahirkan nanti Norhidayu Mohd Rasul

HARIAN METRO

FENOMENA AIR PASANG BESAR

‘APALAH NASIB KAMI’

Iskandar Shah Mohamed
iskandar@hmetro.com.my

Klang

“Dalam keadaan diri sebegini, saya sentiasa memikirkan sampai bila kami akan berada di dewan ini kerana situasi hampir sama berlaku sejak lima hari lalu,” kata Norhidayu Mohd Rasul, 25, suri rumah yang sarat hamil anak ketiga.

Ibu muda itu antara 167 penduduk yang masih ditempatkan di pusat pemindahan mangsa bencana di Dewan Serbaguna Dato’ Ahmad Razali, Kapar di sini, berikutan kejadian ban pecah di kawasan berkenaan sejak Ahad lalu.

Justeru, penduduk setempat terutama Kampung Sri Ke-

ramat, Batu 5 meminta pihak bertanggungjawab segera membaiki ban itu dengan menggunakan struktur lebih kukuh bagi mengelak insiden sama berulang ketika fenomena air pasang besar kelak.

Menurut Norhidayu yang dijadualkan bersalin awal bulan depan, dia berpindah ke pusat pemindahan itu sejak tiga hari lalu selepas pulang bercuti di rumah keluarganya di Banting.

“Saya memang sudah dimaklumkan kejadian ban pecah itu sejak Ahad lalu. Namun, apabila pulang bercuti, keadaan sama masih berlaku apabila rumah dinaiki air sehingga paras lutut dan terpaksa berpindah ke pusat pemindahan.

“Walaupun beberapa peralatan seperti televisyen dan peti ais rosak, saya lebih mengutamakan keselamatan keluarga terutama dua anak (Nor Aqeelah Balqis

Mohd Nazri, 3, dan Mohd Putra Syawal berusia setahun) dan bayi dalam kandungan yang bakal dilahirkan nanti,” katanya ketika ditemui Harian Metro di sini, semalam.

Tinjauan mendapati beberapa penduduk pulang untuk memeriksa rumah dan mengangkat barangan ke tempat tinggi berikutan dinaiki air sehingga paras pinggang selain ada laluan kecil masih tidak dapat digunakan.

Beberapa jentera jentolak turut dilihat membaiki ban itu sejak pagi selepas paras air mula surut.

Sehubungan itu, bagi keselesaan penduduk terutama warga emas dan kanak-kanak, Norhidayu berharap pihak berkaitan segera menyelesaikan permasalahan berkenaan yang masih berlarutan sehingga kini.

Bagi penduduk di pusat itu sejak lima hari lalu, Azmi Mohd Salleh, 48, dia kecewa dengan pelaksanaan kerja membaiki ban yang pecah itu kerana rumah penduduk tetap ditenggelami air.

“Saya amat berharap pihak berkaitan memba-

iki ban itu dengan bahan lebih kukuh seperti konkrit atau batu supaya tidak kembali pecah. Ia mungkin mengambil masa, namun itu yang dianggap terbaik kerana kejadian air pasang dijangka berulang pada bulan depan.

“Langkah menggunakan batang pokok kelapa dan lumpur untuk menghalang air tidak sesuai kerana keadaan laut tidak menentu,” katanya memaklumkan kejadian tidak dijangka itu paling teruk sejak 16 tahun lalu.

NORHIDAYU
menemani anaknya
Pusat
Pemindahan Datuk
Ahmad Razali, Batu
Kapar.

“Saya memang sudah dimaklumkan kejadian ban pecah itu sejak Ahad lalu. Namun, apabila pulang bercuti, keadaan sama masih berlaku apabila rumah dinaiki air sehingga paras lutut dan terpaksa berpindah ke pusat pemindahan”

Norhidayu Mohd Rasul

Pusat Pemindahan
Air Pasang Besar
Dewan Serbaguna
Datuk Ahmad
Razali, Klang